

06 AUG 1999

MAC MAHU TARIK GOLONGAN MUDA SERTAI KONGRES AIDS

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Majlis Aids Kebangsaan (MAC) berharap dapat menarik penyertaan golongan muda pada Kongres Antarabangsa mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ACAAP) kali kelima yang dijadualkan berlangsung di sini Oktober ini.

Setakat ini 2,000 orang sudah mengesahkan penyertaan dan MAC menjangkakan 1,000 lagi akan berbuat demikian. ICAAP, anjuran MAC, berlangsung dari 23 Okt hingga 27 Okt di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

ICAAP yang bertemakan "The Next Millennium: Taking Stock and Moving Forward", bertujuan menyampaikan maklumat dan pendidikan mengenai HIV/Aids kepada golongan muda yang menjadi golongan sasaran.

"Kami mahu menggalakan golongan muda menghadirinya dan telah menyediakan yuran pendaftaran khas bagi pelajar iaitu RM300, kata Presiden MAC Datin Paduka Marina Mahathir.

Marina memberitahu pemberita demikian selepas menerima tajaan RM380,000 daripada Levi Strauss Foundation bagi penganjuran ICAAP di sini.

Beliau berharap lebih banyak institusi pendidikan akan membiayai para pelajar masing-masing supaya lebih ramai dapat menyertai persidangan itu.

-- BERNAMA

MOT THG LAT